JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 57/2020

**RUJUKAN: 19 JUN – 2 JULAI 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020

www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my



## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 2 Julai 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 8,437** atau 97.6 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **85 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **3 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **8,643 kes, dengan 1 kes import** dan **2 kes penularan tempatan**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 53.0 peratus**, Zon Selatan (22.8 peratus), Wilayah Malaysia Timur (11.1 peratus), Zon Pantai Timur (7.3 peratus) dan Zon Utara (5.7 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan 1 kes harian baharu** adalah masing-masing menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur, Sabah dan Johor. Tiada kes kematian baharu** dilaporkan semenjak 19 hari yang lalu (14 Jun 2020) dengan jumlah kumulatif **121 kes kematian** seperti pada Jadual 1.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **10,825,118 kes** dengan melibatkan **519,256 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **2,780,152 kes** disusuli oleh Brazil dengan 1,453,369 kes dan Rusia (661,165 kes). Secara umumnya, negara yang merekodkan kes positif melebihi 200 ribu kes meningkat kepada 13 buah negara. Di peringkat ASEAN, **Indonesia merekodkan 59,394 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota lain antaranya Singapura (44,310 kes) dan Filipina (38,805 kes). Sementara itu, **25.2 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti Brazil yang menyumbang 11.7 peratus dan United Kingdom (8.5 peratus). Kadar kesembuhan dunia telah mencapai 54.02 peratus atau sebanyak 5,848,104 kes yang telah direkodkan sehingga kini seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**GLOBAL:** Kemerosotan sektor Pembuatan berkurang ketika fasa pemulihan dunia dari pandemik COVID-19. Kemerosotan dalam sektor Pembuatan global menunjukkan tanda-tanda semakin berkurangan pada bulan Jun. Pemulihan aktiviti ekonomi China dan AS memberikan harapan bahawa dua ekonomi terbesar di dunia mungkin telah melepasi fasa terburuk yang disebabkan oleh wabak COVID-19. Sementara itu, kejatuhan aktiviti pembuatan Eropah mula mereda. Walau bagaimanapun, permintaan global yang lembap, wabak AS yang semakin buruk dan

ketakutan akan adanya gelombang jangkitan kedua mengurangkan optimisme terhadap prospek akan datang. IMF menjangkakan ekonomi global menyusut 4.9 peratus tahun ini dan pulih hanya 5.4 peratus tahun depan. (Reuters)

**AS:** Aktiviti pembuatan mencapai tahap tertinggi 14 bulan. Aktiviti pembuatan AS pulih pada bulan Jun, mencapai tahap tertinggi dalam lebih dari satu tahun apabila aktiviti ekonomi telah dibuka semula. Walau bagaimanapun, peningkatan jangkitan COVID-19 dilihat mengancam pemulihan ini. ISM melaporkan indeks aktiviti pembuatan nasional meningkat kepada bacaan 52.6 bulan lalu daripada 43.1 pada bulan Mei. Ia adalah paling tinggi semenjak April 2019 dan telah mengakhiri penyusutan tiga bulan berturut-turut. Indeks di atas 50 menunjukkan pertumbuhan dalam pembuatan, yang menyumbang 11 peratus ekonomi AS. Penganalisis-penganalisis ekonomi yang disurvei oleh Reuters telah meramalkan indeks meningkat kepada 49.5 pada bulan Jun. (Reuters)

**AS:** Jualan rumah yang belum selesai melonjak 44.3 peratus pada bulan Mei. Perjanjian untuk membeli rumah terpakai AS melonjak pada bulan Mei, menunjukkan pasaran perumahan mula memulih dari pandemik COVID-19. The National Association of Realtor menyatakan bahawa Indeks Jualan Rumah Belum Selesai meningkat 44.3 peratus bulan lalu kepada 99.6, kenaikan terbesar sejak siri ini dimulakan pada tahun 2001. Namun, perjanjian tetap di bawah tahap 111.4 pada Februari sebelum sebahagian besar sektor ekonomi ditutup bagi menyekat penyebaran COVID-19. Tinjauan Reuters mendapati penganalisis ekonomi meramalkan peningkatan 18.9 peratus pada bulan Mei. Sementara itu, laporan menunjukkan jualan rumah belum selesai turun -5.1 peratus dari tahun lalu. (Reuters)

**AS:** Perbelanjaan pembinaan jatuh -2.1 peratus pada bulan Mei. Perbelanjaan pembinaan di AS secara tidak dijangka mencatatkan penurunan dua bulan berturut-turut. Commerce Department menyatakan perbelanjaan pembinaan jatuh -2.1 peratus kepada AS$1.35 trilion pada bulan Mei setelah jatuh sebanyak -3.5 peratus kepada AS$1.38 trilion pada bulan April. Penurunan berterusan mengejutkan penganalisis ekonomi yang menjangkakan perbelanjaan pembinaan meningkat 1.0 peratus. (RTT)

**AS:** Laporan pekerjaan swasta menunjukkan pertumbuhan yang kuat pada bulan Jun dan semakan semula yang ketara terhadap data Mei. Laporan yang dikeluarkan oleh pemproses gaji ADP pada Rabu lepas menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pekerjaan sektor swasta pada bulan Jun serta semakan kenaikan yang ketara terhadap data untuk bulan Mei. ADP melaporkan pekerjaan sektor swasta melonjak 2.36 juta pekerjaan pada bulan Jun, yang berada di bawah perkiraan ekonomi untuk lonjakan sekitar 3 juta pekerjaan. Walau bagaimanapun, data yang disemak semula menunjukkan pekerjaan sektor swasta meningkat sebanyak 3.06 juta pekerjaan pada bulan Mei berbanding kehilangan 2.76 juta pekerjaan yang dilaporkan sebelumnya. (RTT)

**AS:** Bayaran faedah pengangguran AS melonjak melepasi rekod AS$100 bilion pada bulan Jun. US Treasury Department telah membayar lebih daripada AS$100 bilion dalam faedah pengangguran pada bulan Jun, yang paling banyak untuk satu bulan sejak wabak itu bermula. Nilai bayaran faedah pengangguran sebanyak USD108.5bn pada bulan Jun tersebut merupakan yang paling banyak dicatatkan sejak tahun 2005. Sementara itu, pasaran tenaga kerja AS mula menunjukkan pemulihan yang secara bertahap. (Bloomberg)

**AS:** Keyakinan pengguna meningkat. Keyakinan pengguna AS pulih pada bulan Jun apabila aktiviti perniagaan mula dibuka semula. Ini memperkuat pandangan bahawa kemerosotan ekonomi mungkin berakhir, walaupun jangkitan COVID-19 yang meningkat mengancam fasa pemulihan. Tinjauan dari Confference Board mendapati terdapat lonjakan mendadak dalam pengambilan pekerja dan perbelanjaan pengguna pada bulan Mei. Pasaran perumahan dan pembuatan juga bertambah baik. Federal Reserve mengakui pemulihan dalam aktiviti tersebut dan menyatakan ekonomi telah "memasuki fasa baru yang penting dan adalah lebih cepat dari yang dijangkakan." (Reuters)

**AS:** Perbelanjaan pengguna AS melonjak naik paling banyak dalam rekod pada bulan Mei 2020. Walau bagaimanapun, peningkatan ini tidak mungkin dapat dipertahankan apabila pendapatan menunjukkan penurunan dan dijangka menurun lebih rendah apabila berjuta-juta akan kehilangan faedah pengangguran mulai bulan depan. US Commerce Department menyatakan perbelanjaan pengguna, yang menyumbang lebih dari dua pertiga aktiviti ekonomi AS, melonjak 8.2 peratus bulan lalu. Itu adalah kenaikan terbesar sejak tahun 1959. Belanja pengguna merosot sebanyak -12.6 peratus pada bulan April. Penganalisis ekonomi yang disurvei oleh Reuters meramalkan perbelanjaan meningkat 9.0 peratus pada bulan Mei. Perbelanjaan didorong oleh pembukaan semula perniagaan setelah ditutup pada pertengahan Mac. Pengguna meningkatkan pembelian kenderaan bermotor dan barangan rekreasi. Mereka juga meningkatkan perbelanjaan kesihatan, di restoran, hotel dan motel. (Reuters)

**EU:** Sentimen ekonomi zon Eropah mencatat peningkatan. Sentimen ekonomi zon Eropah meningkat pada bulan Jun didorong oleh pelonggaran langkah-langkah sekatan pergerakan yang diambil untuk membendung penyebaran COVID-19. European Commission melaporkan Indeks Sentimen Ekonomi menokok 8.2 mata kepada 75.7 pada bulan Jun. Walau bagaimanapun, bacaannya berada di bawah ramalan penganalisis ekonomi pada paras 80.0. Tinjauan menunjukkan bahawa pemulihan didorong oleh peningkatan keyakinan yang signifikan di semua sektor yang disurvei iaitu Pembuatan, Perkhidmatan, Perdagangan Runcit, Pembinaan dan pengguna. Peningkatan pada sentiment adalah berbeza di seluruh sektor dan tinjauan Capital Economic menunjukkan jangkaan penurunan tahunan KDNK serantau sebanyak -5 peratus pada suku kedua 2020. (RTT)

**EU:** Penawaran wang zon Eropah meningkat. Penawaran wang dan kredit zon Eropah kepada sektor swasta mencatat pertumbuhan yang lebih cepat pada bulan Mei. Penawaran Wang Luas M3 meningkat 8.9 peratus YoY, yang lebih pantas daripada kenaikan 8.2 peratus pada bulan April dan dari ramalan penganalisis ekonomi sebanyak 8.6 peratus. Penawaran Wang Sempit M1, meningkat kepada 12.5 peratus daripada 11.9 peratus pada bulan April. Kadar pertumbuhan tahunan kredit kepada sektor swasta meningkat kepada 4.9 peratus pada bulan Mei daripada 4.4 peratus pada bulan April. (RTT)

**EU:** Pengangguran Jerman meningkat. Walaupun wabak COVID-19 membebani aktiviti ekonomi Jerman, pengangguran meningkat kurang dari yang dijangkakan pada bulan Jun, dibantu oleh program *short-time work*. Data dari Federal Employment Agency mendedahkan bahawa jumlah pengangguran meningkat sebanyak 69,000 orang pada bulan Jun dari bulan sebelumnya, yang jauh lebih rendah daripada ramalan ahli ekonomi sebanyak 120,000. Pada bulan Mei, jumlah orang yang tidak bekerja telah meningkat sebanyak 237,000 orang. Kadar pengangguran meningkat kepada 6.4 peratus pada bulan Jun daripada 6.3 peratus sebulan yang lalu. Kadar itu dijangka meningkat kepada 6.6 peratus. (RTT)

**EU:** Inflasi Jerman meningkat secara tidak dijangka pada bulan Jun. Laporan dari agensi statistic rasmi Jerman Destatis menunjukkan inflasi Jerman meningkat secara tidak dijangka pada bulan Jun dari paras terendah 45 bulan. Inflasi harga pengguna meningkat kepada 0.9 peratus pada bulan Jun daripada 0.6 peratus pada bulan Mei. Kadar itu dijangka tidak berubah pada 0.6 peratus, yang terendah sejak September 2016. Pada asas perbandingan bulanan, Indeks Harga Pengguna meningkat 0.6 peratus pada bulan Jun, lebih cepat daripada kenaikan yang dijangkakan 0.3 peratus dan memulih dari kejatuhan -0.1 peratus pada bulan Mei. Inflasi, berdasarkan Indeks Harga Pengguna yang Diharmonikan (HICP), meningkat kepada 0.8 peratus daripada 0.5 peratus pada bulan Mei. Ini sedikit lebih cepat daripada jangkaan 0.6 peratus. MoM, HICP meningkat 0.7 peratus setelah tidak berubah pada bulan Mei. (RTT)

**EU:** Sektor pembuatan Itali mencatatkan kemerosotan pada kadar yang lebih perlahan. Tinjauan dari IHS Markit menunjukkan sektor Pembuatan Itali menguncup pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Jun didorong oleh perlonggaran sekatan pergerakan. PMI Pembuatan meningkat kepada 47.5 pada bulan Jun daripada 45.4 pada bulan Mei. Walau bagaimanapun, skor di bawah paras 50 ini menandakan kemerosotan sektor Pembuatan Itali untuk yang ke-21 bulan berturut-turut. Kemerosotan yang lebih perlahan disebabkan oleh peningkatan output buat pertama kalinya bagi tempoh 2 tahun. Semenatara itu, jumlah pesanan terus mencatatkan trend penurunan yang berlaku semenjak Ogos 2018. Selain itu, penjualan yang lemah menyebabkan jumlah tenaga kerja terus menurun. (RTT)

**EU:** Keyakinan pengguna Itali meningkat pada bulan Jun. laporan dari ISTAT menunjukkan keyakinan pengguna dan keyakinan perniagaan Itali meningkat pada

bulan Jun. Keyakinan pengguna meningkat kepada 100.6 pada bulan Jun daripada 94.3 pada bulan Mei. Penganalisis ekonomi telah meramalkan skor 97.5. Keyakinan perniagaan meningkat kepada 65.4 pada bulan Jun daripada 57.2 pada bulan sebelumnya. Indeks sentimen ekonomi meningkat kepada 87.2 pada bulan Jun daripada 72.9 pada bulan sebelumnya. Indeks keyakinan pembuatan meningkat kepada 79.8 pada bulan Jun daripada 71.5 pada bulan Mei. (RTT)

**UK:** Pemulihan semula ekonomi UK melemah apabila firma menunjukkan rekod penjualan yang merosot. Harapan bagi pemulihan ekonomi UK merosot apabila tinjauan mendapati persekitaran perniagaan UK yang lemah. Tinjauan oleh British Chambers of Commerce mendapati pengukuran ke atas penjualan, pesanan dan aliran tunai di sektor Perkhidmatan telah menjunam ke paras paling rendah dalam sejarah 31 tahun. Permintaan untuk barang dari sektor Pembuatan juga menurun dalam tempoh tiga bulan hingga bulan Jun, dengan sentimen dalam industri merosot ke tahap paling lemah sejak krisis kewangan global. Penemuan ini menambah kebimbangan bahawa ekonomi akan pulih dengan cepat. (Bloomberg)

**JEPUN:** Keyakinan pengguna meningkat pada bulan Jun. Tinjauan oleh Cabinet Office Japan mendapati keyakinan pengguna Jepun meningkat untuk bulan kedua berturut-turut. Berdasarkan data penyelarasan bermusim, indeks keyakinan pengguna meningkat kepada 28.4 pada bulan Jun daripada 24.0 pada bulan Mei. Di antara empat sub indeks indeks keyakinan pengguna, indeks yang mencerminkan kesediaan isi rumah untuk membeli barangan pengguna tahan lama meningkat kepada 30.8 pada bulan Jun, dan indeks untuk keseluruhan kehidupan meningkat kepada 30.4. Data pengukuran pertumbuhan pendapatan pula meningkat kepada 31.4 dan pekerjaan meningkat kepada 20.9. Tinjauan ini dilaksanakan pada 15 Jun ke atas 8,400 isi rumah Jepun. (RTT)

**JEPUN:** Data Pemulaan Pembinaan Perumahan terus jatuh. Laporan Japan Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism menunjukkan Data Pemulaan Perumahan Jepun jatuh mendadak pada bulan Mei 2020. Permulaan Pembinaan Perumahan menurun -12.3 peratus YoY pada bulan Mei, berikutan penurunan -12.9 peratus pada bulan April. Penganalisis ekonomi telah meramalkan penurunan tahunan sebanyak -15.9 peratus. Data Permulaan Perumahan yang ditahunkan meningkat kepada 807,000 pada bulan Mei daripada 797,000 pada bulan sebelumnya. Data juga menunjukkan bahawa pesanan pembinaan yang diterima oleh 50 kontraktor besar turun -6.1 peratus setiap tahun pada bulan Mei, berikutan penurunan -14.2 peratus pada bulan April.

**JEPUN:** Jualan runcit jatuh -12.3 peratus pada tahun pada bulan Mei. Laporan dari Japan Ministry of Economy, Trade and Industry menunjukkan jualan runcit di Jepun turun -12.3 peratus pada tahun pada bulan Mei. Penurunan ini adalah melebihi dari jangkaan penurunan -11.6 peratus berbanding penurunan -13.7 peratus pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, penjualan runcit meningkat

2.1 peratus, lebih baik dari ramalan penurunan sebanyak -5.4 peratus setelah merosot turun semula sebanyak -9.9 peratus pada bulan April 2020. (RTT)

**JEPUN:** Inflasi Tokyo secara keseluruhan bertumbuh 0.3 peratus pada tahun pada bulan Jun. Ministry of Internal Affairs and Communications melaporkan secara keseluruhan harga pengguna di Tokyo meningkat 0.3 peratus pada tahun pada bulan Jun 2020. Peningkatan ini adalah lebih rendah dari jangkaan kenaikan 0.6 peratus pada tahun dan lebih perlahan dari 0.4 peratus pada bulan Mei. CPI teras, yang tidak termasuk harga makanan, naik 0.2 peratus pada tahun sejajar dengan jangkaan. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, inflasi keseluruhan turun 0.1 peratus dan CPI teras tidak berubah. (RTT)

**CHINA:** Aktiviti Pembuatan berkembang, tetapi kehilangan pekerjaan meningkat lebih cepat akibat eksport yang lemah. Aktiviti Pembuatan China meningkat dengan lebih cepat pada bulan Jun setelah kerajaan menarik balik langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan meningkatkan polisi sokongan. Walau bagaimanapun, krisis kesihatan ini terus menekan eksport dan pekerjaan di negara tersebut. PMI Pembuatan Caixin / Markit meningkat kepada 51.2 bulan Jun daripada 50.7 yang dicatatkan pada Mei. Ini adalah kadar pertumbuhan terpantas sejak Disember 2019. Tinjauan Reuters mendapati penganalisis menjangkakan peningkatan kepada 50.5. Ekonomi China secara beransur-ansur menunjukkan pemulihan dari penguncupan yang drastik pada kadar -6.8 peratus pada suku pertama 2020. Walau bagaimanapun, permintaan tetap lemah, kerana kebanyakan pengeluar sedang berusaha untuk mengurangkan atau membatalkan pesanan di luar negeri akibat permintaan global yang lemah. (Reuters)

**CHINA:** Keuntungan industri meningkat untuk pertama kalinya sejak November 2019. Keuntungan perusahaan perindustrian China meningkat semula pada bulan Mei untuk pertama kalinya sejak November 2019, menandakan ekonomi terus pulih dari sekatan pergerakan COVID-19. National Bureau of Statistics melaporkan keuntungan industri meningkat 6 peratus kepada CNY582.3 bilion (US$82 bilion) bulan lalu dari tahun sebelumnya. Itu dibandingkan dengan penurunan -4.3 peratus pada bulan April. Keuntungan menguncup -19.3 peratus pada lima bulan pertama tahun ini kepada CNY1.84 trilion, dengan -39.3 peratus di perusahaan milik negara dan -11 peratus di syarikat swasta. (Bloomberg)

**SINGAPURA:** Pengeluaran industri jatuh pada bulan Mei. Laporan dari Singapore Economic Development Board menunjukkan pengeluaran perindustrian Singapura turun secara tidak dijangka pada bulan Mei. Pengeluaran industri menurun -7.4 peratus YoY pada bulan Mei, setelah kenaikan 13.6 peratus pada bulan April. Penganalisis ekonomi telah meramalkan kenaikan 6.6 peratus. Tidak termasuk pembuatan bioperubatan, pengeluaran industri merosot -10.4 peratus YoY pada bulan Mei, berikutan kejatuhan -2.8 peratus pada bulan sebelumnya. Di antara sub-indistri, kejuruteraan pengangkutan mencatatkan kejatuhan terbesar sebanyak -40.7 peratus YoY pada bulan Mei. Pembuatan am turun -26.9 peratus dan bahan kimia

turun -13.5 peratus. Kejuruteraan dan elektronik masing-masing menurun -5.3 peratus dan -1.0 peratus. (RTT)

**HONG KONG:** Jualan runcit terus menurun. Jualan runcit Hong Kong terus jatuh untuk bulan keenam belas berturut-turut pada bulan Mei. Laporan dari Census and Statistics Department menunjukkan jumlah jualan runcit menurun -33.9 peratus YoY pada bulan Mei, berikutan penurunan -37.5 peratus pada bulan April. Nilai penjualan runcit menurun -32.8 peratus setiap tahun pada bulan Mei, menyusuli kejatuhan -36.1 peratus pada bulan sebelumnya. Nilai penjualan barang kemas, jam tangan dan jam, dan hadiah berharga merosot -69.7 peratus setiap tahun pada bulan Mei. Penjualan barangan pengguna lain menurun -42.4 peratus dan barang-barang pakaian, kasut dan produk berkaitan jatuh sebanyak -36.2 peratus. Penjualan runcit terus menurun tajam pada bulan Mei dari tahun sebelumnya, kerana pelancongan masuk tetap terhenti dan keadaan pekerjaan dan pendapatan lemah. Walau bagaimanapun, penurunan itu semakin mengecil dari pada bulan April akibat keadaan penularan wabak tempatan yang stabil dan pelonggaran langkah-langkah penjarakan sosial. (RTT)

**HONG KONG:** Eksport meneruskan trend kejatuhan pada bulan Mei. Census and Statistics Department melaporkan eksport barang dagangan Hong Kong menurun pada kadar yang lebih cepat pada bulan Mei. Eksport turun -7.4 peratus YoY pada bulan Mei, berikutan penurunan -3.7 peratus pada bulan April. Penghantaran menurun untuk bulan ketiga berturut-turut. Begitu juga, import menurun -12.3 peratus setiap tahun pada bulan Mei berbanding penurunan 6.7 peratus pada bulan sebelumnya. Defisit perdagangan menyusut kepada HK$13.7 bilion pada bulan Mei daripada HK$34.7 bilion pada bulan yang sama tahun lalu. Pada bulan April, defisit adalah HK$23.3 bilion. Untuk tempoh Jan hingga Mei, eksport menurun -8.0 peratus YoY dan import turun -9.8 peratus. Defisit perdagangan adalah pada nilai HK$141.7 bilion. Pada bulan Mei, eksport ke Asia turun -4.6 peratus. Sebaliknya, penghantaran ke Taiwan meningkat 16.6 peratus dan penghantaran ke China \ meningkat 0.3 peratus. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) **Tourism Malaysia akan memperkuat inisiatif pelancongan domestik di bawah kempen Cuti-Cuti Malaysia** setelah industri pelancongan mengalami kerugian berjumlah sekitar RM45 bilion pada separuh pertama tahun ini akibat Covid-19.

2) **Jualan kereta oleh Perodua pada Jun melonjak kepada 21,250 unit dengan peningkatan 169.5% berbanding penjualan Mei sebanyak 7,886 unit**. Kenaikan mendadak adalah susulan pengecualian cukai penjualan yang diumumkan oleh Kerajaan pada 5 Jun.

3) **Program 100 Go Digital, inisiatif daripada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan evolusi kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** sejajar dengan perkembangan teknologi digital akibat penularan COVID-19 telah menjejaskan struktur ekonomi. Antara syarikat PKS yang mendapat manfaat daripada program tersebut adalah Satay Terragrill di Langkawi, Kedah yang telah memasarkan jenama Terragrill di dalam dan luar Negara.

4) Program subsidi gaji yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk **menangani impak COVID-19 terhadap ekonomi negara telah menyelamatkan 2.4 juta pekerjaan**. Sebanyak RM4.89 bilion telah diluluskan kepada 303,596 majikan yang akan memberi manfaat kepada 2.4 juta pekerja. Di bawah PENJANA, RM2 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan program peningkatan kemahiran bagi para belia dan penganggur, dan keutamaan akan diberikan kepada sektor elektrik dan elektronik serta teknologi maklumat dan komunikasi sekali gus memberi manfaat kepada lebih 200,000 individu.

5) **Sebanyak 40 peratus daripada pengguna di Malaysia dilaporkan menggunakan lebih banyak dompet mudah alih/digital**. Malaysia mendahului Negara lain Asia Tenggara antaranya Filipina (36 peratus), Thailand (27 peratus) dan Singapura (26 peratus). Pembayaran jual beli secara tunai merosot 64 peratus sejak awal pandemik COVID-19 kerana peningkatan penggunaan kad debit tanpa sentuhan (26 peratus) dan kad kredit tanpa sentuhan (22 peratus).

6) **Indeks Pelopor (IP) pada April 2020 merosot lebih jauh kepada negatif 5.5 peratus daripada negatif 3.6 peratus pada Mac 2020 berikutan gangguan berpanjangan dalam ekonomi**. Mengambil kira prestasi tahunan IP dan kitaran pertumbuhan IP terhadap trend arah aliran jangka panjang yang lebih lemah, dijangkakan ekonomi kekal dalam trajektori penguncupan bagi bulan-bulan ke hadapan. Trend menurun ini disahkan oleh Indeks Serentak (IS) bermula Februari 2020.

7) Bagi tempoh Januari hingga Mei 2020, **penghantaran minyak sawit Malaysia ke India merosot 93 peratus kepada 151,106 tan daripada 2.16 juta tan pada tempoh yang sama 2019**. Langkah pengecualian duti minyak sawit mentah (MSM) oleh kerajaan Malaysia pada Jun telah meningkatkan daya tarikan MSM negara ini. Eksport minyak sawit Malaysia diunjurkan meningkat 2.5 peratus kepada 4.56 juta tan pada suku ketiga berbanding suku sebelumnya, dipacu permintaan lebih baik dari pasaran tradisional iaitu India, China dan negara-negara Kesatuan Eropah (EU).

8) **Pengambilan pekerja asing** dalam **semua sektor dibekukan** hingga hujung tahun ini dan penduduk tempatan diutamakan bagi peluang pekerjaan tersebut.

9) **Sekurang-kurangnya 20%** daripada 2,300 hotel bajet di Malaysia akan **menutup operasi secara kekal** sekiranya kerajaan tidak memberi bantuan kepada mereka.

10) **AirAsia Group Bhd mencatatkan hari penjualan tiket tertinggi pada 23 Jun 2020 dengan 41,000 tempat duduk terjual di seluruh kumpulan dalam masa satu hari,** menunjukkan peningkatan permintaan dalam perjalanan udara.

11) MAHB telah **mengurangkan RM1.8 bilion perbelanjaan modal** sebanyak 82.22% kepada RM320 bilion.

12) Sapura Energy Bhd akan mengurangkan kira-kira **20 peratus daripada 4,000 pekerja sepenuh masanya** di serata dunia yang terdiri daripada **63 peratus berstatus kontrak** manakala baki adalah petugas tetap.

13) **Kira-kira 300 kakitangan Media Prima Bhd** (Media Prima) menerima **notis pemberhentian kerja** yang memaklumkan tarikh akhir perkhidmatan mereka ialah pada 31 Julai 2020.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The EDGE** | **Spike in chicken price due to limited supply triggered by drop in demand**<br><br>The increase in chicken prices following the implementation of the Festive Season Maximum Price Control Scheme was due to limited supply after demand declined during the Movement Control Order (MCO).<br><br>Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Alexander Nanta Linggi said the demand for chicken plunged when business premises, restaurants, hotels, functions and celebrations were not allowed to operate during the MCO period, adding that the situation was temporary and supply was expected to return to normal soon. | https://www.theedgemarkets.com/article/spike-chicken-price-due-limited-supply-triggered-drop-demand |
| 2. | **The EDGE** | **Nancy: Sarawak in federal's priority list for tourism development**<br><br>Sarawak is in the Tourism, Arts and Culture Ministry's priority list for tourism infrastructure development, said Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Nancy Shukri.<br><br>Meanwhile, Sarawak Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah said the state government was continuing with the Visit | https://www.theedgemarkets.com/article/nancy-sarawak-federals-priority-list-tourism-development |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Sarawak Campaign with the focus on promoting five key themes, namely culture, adventure, nature, food and festivals. | |
| 3. | **The EDGE** | **PENJANA a timely initiative to drive Malaysia's economy**<br><br>The National Economic Recovery Plan (PENJANA) is a timely initiative by the government to restore the country's economy, hence helping the people to deal with the economic crisis during the COVID-19 pandemic.<br><br>An economist at Universiti Tun Abdul Razak (Unirazak) Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai said generally, the PENJANA focused on early initiatives aimed at driving the country's future economy. PENJANA is a startup initiative by the government where it is a gradual process and traders have to be open to adopt the digital method, such as accepting online bookings and delivering orders through the gig economy. | https://www.theedgemarkets.com/article/penjana-timely-initiative-drive-malaysias-economy |
| 4. | **New Straits Time** | **COVID-19: Malaysia's tourism industry hit with RM45 billion in losses**<br><br>Losses suffered by the country's tourism and culture industries in the first half of this year from the COVID-19 pandemic amount to around RM45 billion.<br><br>Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Nancy | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/604012/COVID-19-malaysias-tourism-industry-hit-rm45-billion-losses |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Shukri said tourism is one of the economic sectors hardest hit by the coronavirus, and is expected to be the last to recover.<br><br>Nancy said through Tourism Malaysia, her ministry will strengthen domestic tourism initiatives under the Cuti-Cuti Malaysia campaign and intensify public relations activities and online collaborations with corporations, key opinion leaders and influencers. | |
| 5. | **New Straits Time** | **Penang tourism figures picking up**<br><br>Penang has seen an increase in domestic tourist arrivals after interstate travel was lifted, as the country moved into the Recovery Movement Control Order (RMCO) phase on June 10.<br><br>Beach and city hotels had seen an occupancy rate of 60 and 30 per cent respectively during weekends. Similarly, tourist attractions also recorded a 50 per cent increase in admission during weekends.<br><br>Following these encouraging figures, state Tourism, Arts, Culture and Heritage Committee chairman Yeoh Soon Hin was hopeful Penang's tourism industry would rebound sooner than expected.<br><br>He said commitment by the | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/604417/penang-tourism-figures-picking |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | state government and cooperation from stakeholders would reactivate tourism in the state. | |
| 6. | **New Straits Time** | **We're open: Almost all sectors of economy resume operations**<br><br>Today, almost all establishments in non-essential sectors that have been closed since the Movement Control Order (MCO) began on March 18 to curb the spread of COVID-19 will resume operations.<br><br>Spas, wellness and foot massage centres, cinemas, theatres, live event indoor venues and swimming pools have been allowed to welcome patrons following the announcement by Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob on June 22.<br><br>They join 54 theme parks nationwide, including water parks, that were allowed to receive guests from today, as announced by Ismail Sabri yesterday. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/07/604970/were-open-almost-all-sectors-economy-resume-operations |
| 7. | **The EDGE** | **Shangri-La 1Q net profit down 91% as pandemic takes toll on tourism**<br><br>Shangri-La Hotels (Malaysia) Bhd, controlled by tycoon Robert Kuok, saw its first-quarter net profit fall 90.8% year-on-year as it was significantly impacted by worse operating results for its hotel | https://www.theedgemarkets.com/article/shangrila-1q-net-profit-down-91-pandemic-takes-toll-tourism |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | businesses amid extremely challenging conditions due to the unprecedented disruption caused by the COVID-19 pandemic.<br><br>Net profit fell to RM2.03 million for the quarter ended March 31, 2020 (1QFY20) from RM22.12 million a year earlier. During the quarter, extensive travel restrictions and lockdowns taken by governments worldwide, along with the movement control order (MCO) [in Malaysia], resulted in a sudden and steep slump in leisure and business travel. These factors inevitably led to material reductions in revenues, both from rooms and food and beverages across the group's hotels. | |
| 8. | **The EDGE** | **Domestic tourism expenditure jumped 11.5% to RM103.2b in 2019**<br><br>Malaysia's domestic tourism expenditure continued to register a double-digit growth with an 11.5% increase to RM103.2 billion in 2019.<br><br>In a statement today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) said this was the fourth consecutive year of double-digit growth. "The growth was driven by the increase of spending by tourists and excursionists, registering RM67.9 billion and RM35.3 billion respectively.<br><br>"Shopping registered the | https://www.theedgemarkets.com/article/domestic-tourism-expenditure-jumped-115-rm1032b-2019 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | highest share of total expenditure made by a domestic visitor for his or her trip with a share of 37.8%," he said. | |
| 9. | **The EDGE** | **PPI for local production decreases 5.5% in May**<br><br>The Producer Price Index (PPI) for local production, which measures the costs of goods at the factory gate, decreased 5.5% year-on-year (y-o-y) in May 2020, marking the third consecutive month that the index had remained in the negative territory.<br><br>Of the 1,063 items listed under the PPI, 42.9% recorded price increases in May 2020 compared with May 2019, while 49.9% had declined and 7.2% were unchanged, said the Department of Statistic Malaysia (DOSM) today | https://www.theedgemarkets.com/article/ppi-local-production-decreases-55-may |
| 10. | **The EDGE** | **Malaysian exports to remain under pressure in 2H20, says AffinHwang Research**<br><br>Malaysia's high reliance on external demand may pose further pressure to the economic contraction expected in 2020, in anticipation of slower recovery in exports than initially anticipated.<br><br>The negative growth in Malaysian exports could extend into the third quarter of 2020, said AffinHwang Research chief economist Alan Tan, following the wider-than-expected contraction in May. | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-exports-remain-under-pressure-2h20-says-affinhwang-research |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | "To see May numbers contract by 25.5% indicates that the global supply disruption has impacted demand for Malaysian products," said Tan during AffinHwang Capital Research's Malaysia 2H20 outlook briefing today. The research house has projected Malaysian exports to contract by 8.8% in the whole of 2020, accompanied by a contraction in imports by 7.5%.<br><br>It has maintained its end-March forecast of 3.5% real GDP contraction for the country. | |
| 11. | **The EDGE** | **Flight frequency to Sarawak to increase from tomorrow**<br><br>The skies over Sarawak is expected to be busier starting tomorrow after the state government, through its disaster management committee (SDMC), approved an increase in the number of flights into the state following its success in containing the COVID-19 pandemic.<br><br>Sarawak Transport Minister Datuk Lee Kim Shin today said a total of 331 weekly scheduled flights had been approved between July and August this year, a substantial increase from just once weekly by Malaysia Airlines between Kuala Lumpur, Kuching and Miri during the Movement Control Order (MCO). | https://www.theedgemarkets.com/article/flight-frequency-sarawak-increase-tomorrow |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12. | **The EDGE** | **Mercedes-Benz Malaysia sees signs of demand returning to pre-MCO level on tax exemption boost**<br><br>Mercedes-Benz Malaysia has seen a jump in inquiries following the implementation of the government's sales tax exemption for locally-assembled cars, which Mercedes Benz Malaysia Sdn Bhd president and chief executive officer Dr Claus Weidner said indicate demand for the brand's vehicles is returning to the pre-movement control order level.<br><br>Prior to the COVID-19 pandemic, Mercedes-Benz has been the number one luxury car brand in Malaysia for a number of years. The brand sold 13,079 units in 2018, its fifth consecutive year of record sales. In 2019, it remained as the top-selling premium car brand with 10,020 units sold. | https://www.theedgemarkets.com/article/mercedesbenz-malaysia-sees-signs-demand-returning-premco-level-tax-exemption-boost |
| 13. | **The EDGE** | **Malaysian manufacturers see recovery in June**<br><br>Malaysia's manufacturing sector returned to growth during June as lockdown measures aimed at stemming the spread of the coronavirus disease 2019 (COVID-19) were partially lifted.<br><br>According to IHS Markit, output grew at the joint-fastest rate in the survey history as an increasing number of businesses across the country | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-manufacturers-see-recovery-june |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | restarted their operations. The headline IHS Markit Malaysia Manufacturing Purchasing Managers' Index (PMI) rose sharply to 51.0 in June, its highest since September 2018. | |

Penemuan penting & isu:

14) Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kenaikan harga ayam berikutan pelaksanaan Skim Kawalan Harga Maksimum Musim Perayaan disebabkan oleh penawaran yang terhad setelah permintaan menurun semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
15) Tourism Malaysia akan memperkuat inisiatif pelancongan domestik di bawah kempen Cuti-Cuti Malaysia setelah industri pelancongan mengalami kerugian berjumlah sekitar RM45 bilion pada separuh pertama tahun ini akibat COVID-19.
16) Pakar ekonomi di Universiti Tun Abdul Razak (Unirazak) menyatakan ePENJANA adalah inisiatif Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dan peniaga harus berfikiran terbuka untuk beralih kepada kaedah perniagaan digital seperti menerima tempahan dalam talian.
17) Ketibaan pelancong domestik ke Pulau Pinang meningkat semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dikuatkuasakan. Kadar penghunian hotel di kawasan pantai mencapai 60 peratus dan kawasan tarikan pelancong merekodkan peningkatan 50 peratus kemasukan pelancong pada hujung minggu.
18) Mulai 22 Jun 2020, pertubuhan non-essential seperti spa kesihatan dan urut kaki, pawagam, teater serta kolam renang yang ditutup bagi mengekang penularan COVID-19 telah dibenarkan untuk beroperasi semula.
19) Menurut IHS Markit, output sektor pembuatan Malaysia meningkat dengan pantas pada Jun kerana banyak syarikat kembali beroperasi apabila penguatkuasaan PKP dilonggarkan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan operasi perniagaan restoran dan catering menyebabkan permintaan ayam menurun dan ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada subsektor ternakan. Pada tahun 2019, subsektor ternakan menyumbang 1.1 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 6.3 peratus berbanding 5.5 peratus pada tahun sebelumnya.
2. Inisiatif agensi Kerajaan berkaitan dalam memulihkan semula industri pelancongan domestik akan memberi impak positif kepada industri tersebut. Pada tahun 2018, nilai ditambah kasar industri pelancongan merekodkan RM220.6 bilion dengan bertumbuh pada 10.0 peratus berbanding 10.3 peratus pada tahun 2017.

3. Inisiatif ePENJANA bagi meningkatkan penglibatan syarikat dalam perniagaan atas talian secara tidak langsung akan dapat meningkatkan prestasi e-dagang di Malaysia. Pada tahun 2018, prestasi e-dagang bertumbuh pada 7.9 peratus berbanding 11.9 peratus pada tahun sebelumnya.
4. Aktiviti perniagaan sosial telah dibenarkan beroperasi dan ini akan membantu memulihkan sektor perkhidmatan yang terjejas semasa PKP. Pada tahun 2019, sektor perkhidmatan menyumbang 57.7 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 3.1 peratus pada ST1 2020 berbanding 6.2 peratus pada suku sebelumnya.
5. Susulan pelonggaran penguatkuasaan PKP yang membenarkan industri utama beroperasi terutamanya industri sektor pembuatan akan menunjukkan kesan postif kepada sektor tersebut. Pada tahun 2019, nilai ditambah sektor pembuatan menyumbang 22.3 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 3.8 peratus berbanding 5.0 peratus pada tahun sebelumnya.
6. Susulan pengecualian cukai penjualan kenderaan yang diumumkan Kerajaan telah menunjukkan kesan positif kepada industri kenderaan bermotor. Pada tahun 2019, nilai ditambah subsektor tersebut menyumbang 1.7 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 4.0 peratus berbanding 3.8 peratus pada tahun sebelumnya.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian** | **KK Mart intai peluang buka lebih banyak cawangan di India**<br><br>KK Super Mart berharap dapat membuka lebih banyak cawangan di India, dalam suasana kebiasaan baharu ekoran COVID-19 dan mengembangkan platform e-dagang untuk memudahkan pengguna membeli produk penting secara dalam talian. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/06/702058/kk-mart-intai-peluang-buka-lebih-banyak-cawangan-di-india |
| 2. | **Berita Harian** | **Hi HOME, Lazada bekerjasama jual rumah dalam talian**<br><br>Rakyat Malaysia boleh | https://www.bharian.com.my/bisnes/hartanah/2020/06/702685/hi-home-lazada- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | membeli dan menempah rumah idaman mereka di platform Lazada secara eksklusif di LazMall dan juga melalui sesi 'Live Streaming' di LazLive.<br><br>Tawaran diskaun sehingga 30 peratus dengan harga unit rumah paling rendah bernilai RM200,000 boleh diperolehi di 'Hi HOME Porperty Expo' melalui Lazada. | bekerjasama-jual-rumah-dalam-talian |
| 3. | **The Edge Markets** | **DNeX, MARii to develop information system for used vehicles**<br><br>Dagang NeXchange Bhd's (DNeX) wholly-owned subsidiary, Dagang Net Technologies Sdn Bhd has signed a strategic collaboration agreement with the Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii) to jointly develop and operate a web-based information system for used vehicles. | https://www.theedgemarkets.com/article/dnex-marii-develop-information-system-used-vehicles#.Xu8e2Hg7yAY.whatsapp |
| 4. | **Berita Harian** | **Jualan kenderaan di Malaysia kembali pulih bulan lalu**<br><br>Jumlah jualan kenderaan pada Mei kembali pulih kepada 22,960 unit, berbanding hanya 141 unit pada April 2020.<br><br>Namun, jumlah jualan pada Mei 2020 susut 62.2 peratus berbanding 60,760 unit yang dicatatkan pada bulan sama tahun lalu, kerana orang ramai masih bimbang untuk keluar | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2020/06/703087/jualan-kenderaan-di-malaysia-kembali-pulih-bulan-lalu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | walaupun selepas kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lebih longgar iaitu PKP Bersyarat (PKPB). | |
| 5. | **Harian Metro** | **Mitsubishi Connect mudahkan pengguna**<br><br>MITSUBISHI Motors Malaysia (MMM), pengedar rasmi kenderaan Mitsubishi di Malaysia memperkenalkan aplikasi telefon pintar dikenali sebagai Mitsubishi Connect yang akan membolehkan pengguna kekal terhubung dengan talian bantuan Mitsubishi Assist 24 jam di seluruh negara. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/06/593440/mitsubishi-connect-mudahkan-pengguna |
| 6. | **The Star** | **Microsoft to permanently close its retail stores**<br><br>Microsoft will close its stores around the world, moving its retail operations online and keeping only four locations that will be transformed into "experience centres". The move means the estimated 100 Microsoft stores closed due to the coronavirus pandemic will not reopen as the tech giant enters "a new approach to retail", | https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/06/27/microsoft-to-permanently-close-its-retail-stores |
| 7. | **The Sundaily** | **Fuel kiosk operators, traders and retailers see optimistic rise in sales during RMCO period**<br><br>Business for retailers has improved by varying levels with the easing of restrictions under | https://www.thesundaily.my/local/fuel-kiosk-operators-traders-and-retailers-see-optimistic-rise-in-sales-during-rmco-period |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the recovery movement control order (RMCO).<br><br>Petrol stations are seeing a spike of up to 80% in their daily dealings compared with figures during the MCO and conditional MCO. Hawkers and petty traders are also seeing 30% to 50% increase in sales. They expect business to pick up more next month when public confidence on safety and job security improves during the recovery phrase. | |
| 8. | **Harian Metro** | **Naza Automall tawar kereta lebih murah**<br><br>Naza mengambil peluang tempoh pengecualian cukai daripada kerajaan ini dengan menawarkan harga lebih rendah kepada pelanggan yang boleh menikmati penjimatan dan memiliki kenderaan idaman mereka. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/06/594894/naza-automall-tawar-kereta-lebih-murah |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 9. | **Free Malaysia Today** | **Meeters and greeters now allowed at airport terminals**<br><br>Meeters and greeters are now allowed to enter terminal buildings at airports in the country in line with the gradual easing of restrictions in air travel. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/06/20/meeters-and-greeters-now-allowed-at-airport-terminals/ |
| 10. | **Free Malaysia Today** | **Malaysia Airlines sees increase in local flights under RMCO**<br><br>Malaysia Airlines is seeing a | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/06/20/malaysia-airlines-sees- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | gradual increase in the number of bookings after the implementation of the recovery movement control order (RMCO).<br><br>However, there was no significant recovery in terms of overall performance. | increase-in-local-flights-under-rmco/ |
| 11. | **Free Malaysia Today** | **3 syarikat penerbangan diminta kurangkan tambang, tambah kekerapan**<br><br>3 syarikat penerbangan diminta mengurangkan tambang dan meningkatkan kekerapan penerbangan oleh kerajaan susulan kelonggaran penjarakan sosial untuk perjalanan udara di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/06/22/3-syarikat-penerbangan-diminta-kurangkan-tambang-tambah-kekerapan/ |
| 12. | **The Edge Market** | **AirAsia sees strong demand rebound with daily sales hitting 41,000 seats**<br><br>AirAsia Group Bhd registered its highest post-hibernation sale day with 41,000 seats sold across the group in a single day, signifying a strong rebound in demand for air travel. | https://www.theedgemarkets.com/article/airasia-sees-strong-air-travel-demand-rebound-highest-posthibernation-daily-sale-41000-seats |
| 13. | **The Edge Markets** | **MAHB slashes 2020 capex to RM320m from RM1.8b**<br><br>Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) has slashed its planned RM1.8 billion capital expenditure (capex) for 2020 by 82.22% to RM320 million. | https://www.theedgemarkets.com/article/mahb-slashes-2020-capex-82-rm320m-rm18b |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | MAHB is weighing several options to improve the company's liquidity after it reported a net loss of RM20.39 million in the first quarter 2020. | |
| 14. | **The Edge Markets** | **ERL extends 15% Touch 'n Go eWallet discount to Dec 31**<br><br>Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) has extended its 15% discount promotion for Touch 'n Go eWallet ticket purchases to 31 December 2020. | https://www.theedgemarkets.com/article/erl-extends-15-tng-ewallet-discount-dec-31 |
| | **C. Subsektor Kesihatan Swasta** | | |
| 15. | **New Straits Times** | **Private hospitals can include PPE charge in patients' medical bills**<br><br>Private hospitals can charge their patients for personal protective equipment (PPE) worn by health personnel for their medical treatment. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/600125/private-hospitals-can-include-ppe-charge-patients-medical-bills |
| 16. | **The Malaysian Insight** | **Refer list of COVID-19 hospitals, clinics to avoid fraud, says Noor Hisham**<br><br>More than 50 private hospitals and clinics nationwide have been given the approval to conduct the COVID-19 screening. | https://www.themalaysianinsight.com/s/253570 |
| 17. | **New Straits Times** | **Top management expatriates, medical tourists can enter Malaysia**<br><br>Foreign visitors arriving in the country for medical tourism purposes must go through the | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/601856/top-management-expatriates-medical-tourists-can-enter-malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Health Ministry and register with the Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) as well as undergo a COVID-19 screening test in their home country prior to their arrival in Malaysia. | |
| 18. | **Berita Harian** | **Klinik, pusat rawatan Islam dibenar hingga tengah malam**<br><br>Semua klinik swasta dan pusat rawatan Islam dibenarkan beroperasi hingga 12 tengah malam ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).<br><br>Ini termasuk pusat rawatan Islam, pusat rawatan lain seperti homeopati dan tradisional. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/702993/klinik-pusat-rawatan-islam-dibenar-hingga-tengah-malam |
| | **D. Subsektor Penginapan** | | |
| 19. | **The Star** | **Cheaper airfares and hotel rooms to boost domestic travel**<br><br>Since interstate travel has been allowed, hotel room bookings that pick up the fastest are those below RM300 per night. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/06/24/cheaper-airfares-and-hotel-rooms-to-boost-domestic-travel#.XvK8_eKlri8.whatsapp |
